



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

CORAK AMALAN PROSES KEJURULATIHAN JURULATIH BOLA SEPAK SEKOLAH DI KUALA LUMPUR

NAZRUL FADZLI BIN KHAIRULHALIMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**CORAK AMALAN PROSES KEJURULATIHAN JURULATIH
BOLA SEPAK SEKOLAH DI KUALA LUMPUR**

NAZRUL FAZDLI BIN KHAIRULHALIMI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 APRIL 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, NAZRUL FADZLI BIN KHAIRULHALIMI (M20171000377, FSSKJ) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk CORAK AMALAN PROSES KEJURULATIHAN JURULATIH BOLA SEPAK SEKOLAH DI KUALA LUMPUR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ZULAKBAL BIN ABDUL KARIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk CORAK AMALAN PROSES KEJURULATIHAN JURULATIH BOLA SEPAK SEKOLAH DI KUALA LUMPUR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

No. Matrik /Matric's No.:

Saya / I :

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyempurnakan penulisan penyelidikan ilmiah ini. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Penyelia penyelidikan iaitu Dr. Zulakbal bin Abd Karim kerana sudi memberikan bimbingan, motivasi, nasihat dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan penulisan laporan penyelidikan ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada beberapa sekolah di Kuala Lumpur seperti SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur, SMK Victoria, SMK St. John, SMK Taman Maluri, SMK Datok Lokman SMK Seri Bintang Utara, SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan SMK Seri Titiwangsa (Sekolah Sukan Negeri) kerana memberikan kebenaran dan kerjasama yang baik untuk mengendalikan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga kepada kesemua jurulatih dan pemain bola sepak yang menjadi subjek dalam penyelidikan saya. Tanpa kerjasama daripada mereka, adalah mustahil bagi saya untuk menyempurnakan laporan penyelidikan ini dengan jayanya. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan dan juga iringan doa dalam usaha saya menyiapkan laporan penyelidikan ini.



ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan bagi menerokai corak amalan proses kejurulatihan jurulatih bola sepak sekolah di Kuala Lumpur. Sejumlah 10 orang guru merangkap jurulatih bola sepak dan 11 orang pemain bola sepak peringkat sekolah merupakan peserta kajian dalam penyelidikan ini. Saiz sampel dalam kajian kualitatif tidak dapat ditentukan dari awal kajian dan pemilihan jumlah peserta kajian ini berterusan sehingga sampai ke tahap yang dinamakan sebagai “*saturation of information*” berikutan tiada data-data baharu yang diperolehi atau bertindih dengan data sebelum ini menerusi sesi temu bual secara semi berstruktur yang mengandungi set “*Open-Ended Questions*” yang telah dijalankan. Tempoh sesi temu bual ini berlangsung bermula dari Januari 2019 sehingga Jun 2019. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk *Grounded Theory* seperti dicadangkan oleh Strauss dan Corbin. Data yang diperolehi menerusi temu bual, ditranskripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan pengekodan atau *codings* yang merangkumi pengekodan terbuka, pengekodan paksi dan pengekodan terpilih. Berdasarkan dapatan kajian menjelaskan bahawa terdapat enam langkah-langkah bagi proses kejurulatihan bola sepak yang terdiri daripada merancang, pra sesi taklimat, mengendalikan sesi latihan, pemerhatian, melatih dan pembetulan serta pasca sesi taklimat dan rumusan. Akhir sekali menerusi penyelidikan ini juga maka terhasil Model Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak Sekolah di Kuala Lumpur. Model ini boleh membantu jurulatih khususnya di peringkat sekolah bagi melaksanakan keseragaman proses kejurulatihan bola sepak mengikut susunan yang sewajarnya.



APPLIED PATTERN OF COACHING PROCESS OF SCHOOL FOOTBALL COACHES IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This study aimed to explore the applied pattern of coaching process of school football coaches in Kuala Lumpur. 10 teachers also act as the football coaches and 11 school football players were the study participants. Sample size does not determined in the early study. Number of participants were determined by the degree of saturation of information which is refer to no new information was discovered or redundant with the previous information through semi stuctured interview which comprises set of open ended questions. The interview session were held started from January until June 2019. This study used qualitative research method called grounded theory approach as suggested by Strauss and Corbin. The data were derived from the interview session and systematically collected, transcribed and analyzed by data analysis called codings which is comprises such as Open Coding, Axial Coding and Selective Coding. Based on the findings of the study shown there were six steps of youth football coaching process such as planning, pre-briefing, conducting training session, observation, coach coaching and the post-briefing including training summary. At the end of the study, model of youth football coaching process successfully produced. This model might assist football coaches at school level in terms of standardization and proper of football coaching process accordingly.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	15
1.3	Penyataan Masalah	20
1.4	Objektif Kajian	26
1.5	Persoalan Kajian	27
1.6	Kepentingan Kajian	27
1.7	Limitasi Kajian	28



1.8	Definisi Operasional	28
1.8.1	Sekolah	28
1.8.2	Jurulatih	29
1.8.3	Guru	29
1.8.4	Kursus Lesen Kejurulatihan	30
1.8.5	Proses Kejurulatihan Bola Sepak	31
1.9	Kesimpulan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Grounded Theory	37
2.3	Kajian Berkaitan Grounded Theory	40
2.4	Bola Sepak	42
2.5	Kejurulatihan	47
2.6	Kejurulatihan Bola Sepak	58
2.7	Kejurulatihan Bola Sepak Sekolah	64
2.8	Proses Kejurulatihan	70
2.9	Amalan Terbaik Proses Kejurulatihan	73
2.10	Kesimpulan	78

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Justifikasi Pemilihan Grounded Theory	82
3.4	Kerangka Konseptual Kajian	83
3.5	Populasi Kajian	85
3.6	Persampelan Kajian	86
3.6.1	Persampelan Bertujuan (Purposive Sampling)	87
3.7	Instrumen Kajian	88



3.8	Kajian Rintis	88
3.8.1	Kesahan Instrumen	89
3.9	Temu Bual	92
3.9.1	Prosedur Temu Bual	94
3.10	Pengumpulan Data	94
3.10.1	Prosedur Pengumpulan Data	96
3.11	Data Triangulasi	97
3.12	Etika Kajian	98
3.13	Analisa Data	99
3.14	Kesimpulan	101

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	102
4.2	Peserta Kajian	104
4.3	Prosedur	106
4.4	Temu bual	107
4.5	Analisis Data	110
4.5.1	Pengekodan Terbuka (<i>Open coding</i>)	111
4.5.2	Pengekodan Paksi (<i>Axial coding</i>)	112
4.5.3	Pengekodan Terpilih (<i>Selective Coding</i>)	112
4.6	Dapatan Kajian	113
4.6.1	Karakteristik	113
4.6.1.1	Demografi	114
4.6.1.2	Pengalaman	115
4.6.1.3	Pendidikan Kejurulatihan	121
4.6.1.4	Kelayakan	128
4.6.2	Cabaran	135
4.6.2.1	Bebanan Tugas	136
4.6.2.2	Prestasi	138
4.6.2.3	Peningkatan Kerjaya	148



4.6.3	Kompetensi	150
4.6.3.1	Pengurusan	151
4.6.3.2	Latihan	153
4.6.3.3	Perlawanan	164
4.7	Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak Sekolah di Kuala Lumpur	171
4.7.1	Merancang	172
4.7.2	Pra Sesi Taklimat	174
4.7.3	Mengendalikan Sesi Latihan	176
4.7.4	Pemerhatian	180
4.7.5	Melatih dan Pembetulan	181
4.7.6	Pasca Sesi Taklimat dan Rumusan	183
4.8	Analisa Dokumentasi	184
4.9	Tahap Kepuasan Pemain Bola Sepak Terhadap Proses Kejurulatihan	185
4.10	Pembangunan Model	188
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	191
5.2	Perbincangan	192
5.3	Karakteristik	195
5.4	Demografi	196
5.5	Cabaran	197
5.6	Kompetensi	201
5.7	Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak Sekolah	207
5.8	Tahap Kepuasan Pemain	208
5.9	Cadangan	209
5.10	Kesimpulan	210
	RUJUKAN	213
	LAMPIRAN	263





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1.1	Pencapaian pasukan bola sepak Kuala Lumpur di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).	25
3.1	Nilai Kappa dan Interpretasinya (tahap)	91
3.2	Nilai persetujuan bagi koefisien Kappa untuk Instrumen Kajian	92
4.1	Latar Belakang Kejurulatihan dan Demografi Peserta Kajian	105





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kitaran Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak oleh <i>Asian Football Confederation</i> .	23
1.2	Kitaran Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak oleh <i>Fédération Internationale de Football Association (FIFA)</i> .	24
2.1	Kitaran Kejurulatihan oleh Carling, William dan Reilly (2005).	55
2.2	Struktur <i>Skill Acquisition Phase (Under 10-13)</i> dan <i>Game Training Phase (Under 14-17)</i> oleh Persekutuan Bola Sepak Australia (FFA, 2013)	65
2.3	Kitaran Fasa bagi Proses Kejurulatihan yang dihasilkan oleh Franks, Goodman & Miller (1983).	68
2.4	<i>The Coaching Model</i> yang dihasilkan oleh Cote, Salmela, Trudel, Baria & Russels (1995).	76
2.5	<i>Analyze-Involve-Model (AIM) Soccer Coaching Process</i> oleh Robert Irvine (2012).	77
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	84
4.1	Model Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak Sekolah Di Kuala Lumpur	190



SENARAI SINGKATAN

AFC	Asia Football Confederation
AIM	Analyze-Involve-Model
AMD	Akademi Mokhtar Dahari
AT	Akademi Tunas
CES	Coaching Efficacy Scale
DNA	Deoxyribonucleic Acid
FAM	Football Association of Malaysia
FIFA	Fédération Internationale de Football Association
GT	Grounded Theory
ICCE	International Council for Coaching Excellence
IPG	Institut Pendidikan Guru
JDT	Johor Darul Ta'zim
JPWPKL	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KL	Kuala Lumpur
KLFA	Kuala Lumpur Football Association
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MSN	Majlis Sukan Negara
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
MSSWP	Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NASPE National Association for Sport and Physical Education

NFDP National Football Development Programme

PLD Pusat Latihan Daerah

PPBN Program Pembangunan Bola Sepak Negara

PT Pengerusi Teknikal

PT3 Pentaksiran Tingkatan Tiga

SAQ Speed, Agility and Quickness.

SPM Sijil Pelajaran Malaysia

SSG Small Sided Games

SSM Sekolah Sukan Malaysia

SSN Sekolah Sukan Negeri

SSTMI Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail

 **SUKMA** Sukan Malaysia

TMFC Telekom Melaka Football Club

UCLA University of California, Los Angeles

UiTM Universiti Teknologi MARA

UPM Universiti Putra Malaysia

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Membuat Penyelidikan
- B Borang persetujuan (*consent form*)
- C Borang Kesahan Data Temu Bual
- D Kesahan Pengekoden Terbuka (*Open Coding*)
- E Surat Kesahan Pakar
- F Borang Kesahan Pakar Instrumen Kajian
- G Borang Kesahan Pakar Model Kajian
- H *Codings* atau Pengekoden
- I Senarai Nama Pakar Kesahan Instrumen dan Model Kajian



BAB 1

PENDAHULUAN

1. Pengenalan

Bola sepak merupakan sukan yang mendapat tempat di hati pelbagai lapisan peringkat umur, termasuklah dari sekolah rendah hingga ke dewasa (Abdullah Ali & Mad Dinos Talib, 2013). Giulianiotti dan Robertson (2004) menyatakan bola sepak dianggap oleh ramai pihak sebagai sukan yang paling popular di dunia semenjak akhir abad ke-19. Najib Razak dalam Laporan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) menyatakan bahawa bola sepak merupakan sukan yang paling popular di dunia dan juga di Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2013).



Malaysia pernah digelar sebagai raja bola sepak di Asia Tenggara dan dihormati di segenap Benua Asia. Walaupun persembahan yang tidak konsisten beberapa dekad ini, bola sepak masih lagi dianggap sebagai sukan nombor satu di Malaysia merujuk kepada sambutan jumlah penonton di kaca televisyen, jika dibandingkan dengan acara sukan lain yang ditonton (Zulakbal Abdul Karim & Ali Md Nadzalan, 2017; Zulakbal Abdul Karim, 2016; Hamid & Kendall, 2008; Pundyk, 2004). Justeru itu, kajian yang dijalankan ini berkaitan menerokai corak amalan proses kejurulatihan jurulatih bola sepak sekolah di Kuala Lumpur.

Sukan bola sepak sememangnya tidak dapat dinafikan memainkan peranan yang cukup besar dalam kehidupan ramai manusia. Sebagai contoh, para penyokong bukan sahaja menaikkan semangat pemain untuk bermain dengan lebih baik (Coackley, 2009), malah para penyokong ini juga turut menjadi penyumbang kepada ekonomi pasukan kesayangan mereka (Molnar & Popovic, 2009). Menerusi pembelian tiket perlawanan, pembelian jersi serta pelbagai barangan cenderamata yang dijual oleh pengurusan pasukan merupakan antara aktiviti penajaan kewangan yang dilakukan oleh para penyokong.

Sokongan terhadap sukan bola sepak dapat disaksikan setiap kali berlangsungnya pertandingan Piala Dunia (*FIFA World Cup*) yang dianjurkan setiap empat tahun sekali yang menjanjikan keghairahan dan penuh dengan semangat. Allmers dan Maennig (2009) menganggarkan seramai 36 juta penonton serata dunia menyaksikan Piala Dunia setiap kali ianya berlangsung (Nur Hafizah Yusoff & Sundramoorthy, 2015).





Jumlah penaja bagi setiap liga bola sepak juga makin bertambah dan menyaksikan sukan bola sepak itu sendiri bersifat profesional dan diurus tadbir dengan baik. Sama seperti bintang bola sepak juga di mana mereka ini akan menjadi sasaran jenama terkemuka dalam mempromosikan barangan mereka (Cruyff Institute, 2015). Bagi melahirkan para pemain bola sepak yang berkualiti tinggi, sudah semestinya perlu dilaksanakan dari akar umbi lagi. Menurut Williams dan Reilly (2000), mengenal pasti bakat atau “*talent identification*” dapat didefinisikan sebagai proses mengiktiraf peserta semasa dengan potensi untuk menjadi pemain elit. Reilly, Bangsbo dan Franks (2000) menyatakan pembangunan bakat bertujuan menyediakan persekitaran pembelajaran yang paling sesuai dalam mengetengahkan lagi potensi.

Dalam bola sepak, komponen identifikasi bakat adalah nadi penting untuk melahirkan pemain bola sepak yang berjaya dan secara langsung jurulatihlah yang bertanggungjawab menggalas tugas tersebut (Figueiredo, Goncalves, Coelho Silva & Malina, 2009; Huijgen, Elferink-Gemser, Post & Visscher, 2009). Le Gall, Carling, Williams dan Reilly, (2010); Meylan, Cronin, Oliver, dan Hughes (2010) pula menegaskan bahawa pengambilan awalan menerusi akademi bola sepak adalah penting dalam jangka masa panjang bagi pembangunan bola sepak. Menurut Khoo Kay Kim (1994), sewajarnya sekolah adalah tempat lahirnya atlet-atlet berbakat dan juga tempat atlet yang berpotensi diberi latihan dan bimbingan. Khoo Kay Kim turut menambah bahawa dalam sejarah negara ini, sekolah memainkan fungsi terpenting melahirkan bakat yang kemudian berkembang menjadi atlet berstatus elit.





Pendapat ini turut dinyatakan di dalam Kementerian Belia dan Sukan (2013) di mana secara lazimnya sekolah merupakan salah satu tempat pendidikan terawal bagi aktiviti berkaitan sukan bola sepak dan guru yang bertindak selaku modal insan bertanggungjawab dalam mengajar murid-murid bermain bola sepak. KBS (2013) juga melaporkan bahawa pembangunan sukan akar umbi di Malaysia semestinya bermula di sekolah-sekolah kerana alam persekolahan di Malaysia bermula pada umur 6 tahun hingga 17 tahun. Pada tahap inilah dunia atlet perlu bermula dan pendedahan awal perlu dimulakan. Adalah didapati sangat jarang atlet yang telah menempah kejayaan awal di usia muda sebagaimana yang berlaku kepada Martina Hingis dan Tiger Wood, tetapi ia boleh dilakukan jika pembangunan atlet yang berterusan dilakukan dengan program latihan yang efisien dan dimulakan di peringkat awal kanak-kanak lagi (Bompa, 1995).



Sebagai contoh dalam sukan bola sepak seperti di Akademi Bola Sepak Sevilla di mana mereka mempunyai misi iaitu membangunkan pemain-pemain berkemahiran yang mempunyai dan berkeupayaan untuk merebut kesebelasan utama dalam pasukan mereka yang beraksi dalam kancah *La Liga* di Sepanyol (Sanchez, Bercial & Sanchez, 2016). Pembangunan bola sepak di Malaysia ditadbir dengan kolaborasi Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menjayakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), Zulakbal Abdul Karim (2016) bertujuan untuk membangunkan semula sukan ini secara menyeluruh yang melibatkan semua aspek pembangunan seperti penyertaan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan.





Sasaran utama adalah untuk menyediakan satu landasan bagi menggilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun ke arah menjadi wira bola sepak negara pada masa hadapan (KBS, 2013). Menurut laporan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara, KBS (2013) bahawa secara tidak langsung para guru yang telah dilantik menjadi jurulatih bola sepak remaja perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan menerusi penyertaan kursus-kursus kejurulatihan bagi memantapkan ilmu sains kejurulatihan dan seterusnya melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti di masa hadapan yang mampu bersaing di pentas antarabangsa.

Peranan para guru yang dilantik sebagai jurulatih di setiap Pusat Latihan Daerah (PLD), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) bukan mudah kerana mereka perlu melaksanakan sesi latihan sekurang-kurangnya lima kali seminggu sebagai persiapan untuk menghadapi Kejohanan Liga Bola Sepak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kejohanan Bola Sepak MSSM dan juga Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah Peringkat Negeri dan Daerah. Jika dilihat dari senario ini, jelas bahawa para guru di sekolah juga bertindak selaku jurulatih sama ada di peringkat sekolah mahupun di bawah program Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN).

Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), guru adalah aset yang sangat penting dalam dunia pendidikan dan guru mempunyai tugas yang sangat besar dalam melahirkan anak-anak bangsa yang berguna. Tugas guru secara umumnya ialah mendidik, iaitu berusaha mengembangkan penguasaan seluruh potensi murid sama ada potensi kognitif, afektif atau psikomotor (Noble, 2004; Bloom, Krathwohl, & Masia, 1964; Bloom, 1956).





Pernyataan ini sama seperti yang disarankan oleh Mohd Taib Harun dan Norlena Salamuddin (2008) bahawa pendidikan jasmani bertujuan untuk melahirkan murid menjadi cergas melalui pergerakan aktiviti fizikal yang melibatkan tiga kemahiran utama iaitu psikomotor, kognitif dan afektif serta memberikan penumpuan dalam tiga aspek yang lain iaitu kecergasan, kemahiran dan kesukanan. Mohd Faiz Mohd Yaakob, (2018); Syed Kamaruzaman, Zaki Che Hassan dan Julismah Jani (2014) menyatakan bahawa guru merupakan nadi utama dalam menjayakan aspek pendidikan, program pembangunan sukan dan kokurikulum di sekolah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012) di mana para guru bertanggungjawab dalam menyediakan murid-murid yang berkualiti dari pelbagai aspek seperti kesihatan, kreatif, berdaya saing dan juga produktif. Mohd Faiz Mohd Yaakob (2018) turut menambah di mana kualiti kemahiran pendidikan dan latihan berterusan amat penting bagi melahirkan modal insan sejajar dengan keperluan semasa. Ini kerana menurut Newman, Kim, Alvarez & Tucker (2018), pelaksanaan sukan perlulah direka dan dirancang dengan sebaiknya kerana ianya mampu memberikan impak bagi membentuk pembangunan jati diri yang positif di kalangan murid-murid.

Secara dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan dasar kokurikulum menerusi Akta Pendidikan 1996 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) guru bertanggungjawab dalam melahirkan murid berkualiti tinggi yang merangkumi komponen jasmani, emosi, rohani mahupun intelektual (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Justeru itu, guru memainkan peranan penting dalam merealisasikan dasar tersebut kerana mereka berkemampuan untuk menyampaikan pengetahuan agar ilmu tersebut dapat membina pengetahuan murid sewajarnya (Syarifah Maimunah Syed Zin, 2003).





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disarankan sentiasa memantau para guru subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan supaya sentiasa menguasai pelbagai jenis ilmu selaras dengan kehendak semasa demi mendidik para murid yang seterusnya akan menjadi tunjang negara (Mohd Zairi Husain, 2016). Antara aspek yang penting sebagai jurulatih adalah elemen keyakinan yang tinggi terhadap kemampuannya sendiri dalam mempengaruhi proses pembelajaran serta prestasi di kalangan para atlet (Kowalsky, Edginton, Lankford, Waldron, Roberts-Dobie & Nielsen, 2007). Sehubungan dengan itu, menerusi kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah bagi melihat sejauh mana keberkesanan corak amalan proses kejurulatihan jurulatih bola sepak sekolah di Kuala Lumpur memandangkan kebanyakan jurulatih yang terlibat adalah dari kalangan guru sekolah.



Bola sepak merupakan sukan yang mendapat tempat di kalangan remaja di seluruh pelusuk dunia dan dipercayai sejumlah 21 juta pemain remaja bawah 18 tahun telah berjaya didaftarkan di bawah persatuan dan juga kelab bola sepak (Kunz, 2007). Seperti mana Carroll, Ashman, Bower dan Hemingway (2013) menyarankan bahawa para atlet remaja perlu mendapatkan bimbingan dari jurulatih supaya hala tuju mereka boleh dipertingkatkan dan diperkembangkan dari semasa ke semasa. Peranan bagi seseorang jurulatih bukannya sekadar mendidik dan melatih para atlet bahkan perlu menguasai beberapa aspek seperti merangka pelan jangka masa pendek dan panjang, bekerjasama dengan rakan sekerja yang terdiri daripada barisan kejurulatihan dan pengurusan (Santos, Mesquita, Graca & Rosado, 2010).





Pendidikan kejurulatihan yang berterusan menjadi antara agenda yang diutamakan oleh Program Pembangunan Bola Sepak Negara atau juga dikenali sebagai PPBN kerana perlunya para jurulatih diberikan pendedahan dalam aspek latihan yang terkini mengikut arus peredaran zaman. PPBN juga turut menambah bahawa keperluan merangka satu skim yang mampu menarik minat para jurulatih bola sepak untuk menyertai lapangan sains kejurulatihan dengan harapan dapat memenuhi keperluan tenaga jurulatih bola sepak di semua pusat latihan seluruh negara (PPBN, 2014). Ini sesuai seperti yang dinyatakan oleh Anshel (2003) di mana seseorang jurulatih ibarat seperti seorang guru, pemimpin, kaunselor dan juga mentor kepada para atlet.

Becker (2009) menyatakan bahawa para jurulatih perlu sentiasa bersedia menghadapi sebarang permasalahan dan bertanggungjawab bagi pembangunan mental, fizikal, taktikal dan teknikal bagi seseorang atlet. Kebanyakan aktiviti jurulatih bola sepak merangkumi pemantauan teknik pemain dan pasukan dalam merangka strategi untuk memenangi sesuatu perlawanan (Sarmiento, Pereira, Anguera, Campaniço & Leitão, 2014). Maka jurulatih yang berkelayakan amat penting bermula dari akar umbi lagi dalam melatih pemain bola sepak sekolah yang seterusnya menjadi aset bola sepak negara. Dalam bidang kejurulatihan beberapa aspek perlu dikuasai oleh seseorang jurulatih yang merupakan komponen bagi kompetensi seperti dari segi taktikal, motivasi, psikologi, menguruskan pasukan, media dan juga lain-lain (Conte, 2016).





Kejurulatihan sukan merupakan satu bidang yang tidak asing lagi yang perlu diperkatakan (Zulakbal Abdul Karim & Ali Md Nadzalan 2017a; Zulakbal Abdul Karim & Ali Md Nadzalan, 2017b; Kjaer, 2017; Jones, Edwards & Filho, 2016; Nelson, Cushion, Potrac & Groom, 2014). Secara tradisinya, bidang kejurulatihan ini didefinisikan sebagai wujudnya proses pengajaran oleh pelatih atau jurulatih yang akan memacu perkembangan para atlet (Cushion, Nelson, Armour, Lyle, Jones, Sandford & O'Callaghan, 2010). Maka dengan ini suatu kajian terhadap bidang kejurulatihan terutamanya dalam proses kejurulatihan perlu dilaksanakan dengan tujuan memberikan sumbangan pengetahuan kepada pengkaji berkaitan bidang kejurulatihan.

Proses kejurulatihan boleh digambarkan sebagai suatu kitaran berterusan bagi mana-mana kejohanan, pertandingan mahupun sesi latihan di mana jurulatih memainkan salah satu peranannya dengan membuat pemerhatian dan menganalisis prestasi atlet demi penambahbaikan mereka (Maslovat & Franks, 2008). Proses analisis adalah salah satu komponen yang paling penting dalam proses kejurulatihan Acar, Yapicioglu, Arian, Yalcin, Ates dan Ergun (2009) dan perlu diuruskan dengan maklumat yang dicatatkan secara objektif (Maslovat & Franks, 2008; James, 2006). Proses kejurulatihan amat penting bagi mana-mana jurulatih kerana ianya perlu menjadi mekanisme dalam melatih dan melahirkan atlet yang berkualiti.

Meskipun terdapat percubaan untuk memberikan penjelasan yang konseptual dalam proses kejurulatihan Lyle (2002) namun dipercayai belum ada lagi persetujuan berkaitan konseptualisasi. Walau bagaimanapun, ciri-ciri umum termasuk penglibatan sekurang-kurangnya dua orang yakni jurulatih dan atlet. Oleh yang demikian, bidang kejurulatihan adalah kompleks dan dinamik disamping berorientasikan matlamat, fokus





terhadap transformasi yang biasanya melibatkan peningkatan prestasi para atlet. Proses kejurulatihan yang dimodelkan akan terus mencetus kontroversi (Barnson, 2014; Cushion, 2007). Menurut penyelidik sebelum ini dipercayai tidak diperhalusi berkenaan skop bagi proses kejurulatihan dalam konteks yang spesifik Cushion (2014) serta membiarkan para jurulatih tanpa satu set konsep serta prinsip yang jelas bagi menggambarkan amalan kejurulatihan sebenar (Cushion, Armour & Jones, 2006). Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk menerokai amalan proses kejurulatihan bagi jurulatih bola sepak sekolah dan membina atau merangka model bagi amalan proses kejurulatihan bola sepak, yang boleh dijadikan panduan.

Satu pendekatan untuk memberikan informasi dalam proses kejurulatihan ini adalah menerusi penggunaan model proses kejurulatihan (Gilbert, 2007; Cushion, Armour & Jones, 2006). Model proses kejurulatihan ini menyediakan representatif biasanya dalam bentuk diagram yakni bagi komponen utama dan hubung kait di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, penggunaannya dibahaskan sebelum ini. Sebagai contoh, model tersebut dikritik kerana kurang menonjol mahupun memberansangkan bagi bidang kejurulatihan (Cushion, et al., 2006).

Menurut Jones (2006), dimana model yang berasaskan diagram juga turut dikritik kerana representatif bagi proses kejurulatihan tidak begitu membantu dalam menyelesaikan permasalahan. Tambahan pula, dua model dimensional representatif yang biasa diguna pakai telah dikenalpasti sebagai faktor limitasi bagi menggambarkan proses kejurulatihan tersebut (Cushion, 2007; Lyle, 2002). Meskipun terdapat kritikan, dipercayai masih lagi wujud kecenderungan dalam percubaan untuk menghasilkan model bagi proses kejurulatihan. Model bagi proses kejurulatihan mampu menyediakan suatu





medium untuk berkongsi pemahaman bagi sesuatu proses, menyediakan struktur kepada aktiviti yang kompleks, dinamik serta bertindak sebagai panduan bagi pembangunan kemahiran kejurulatihan utama (Brewer, 2007; Mallett, 2007). Model-model proses kejurulatihan ini penting kerana ianya boleh dijadikan suatu panduan kepada jurulatih. Sama seperti kajian yang dijalankan ini juga adalah untuk menghasilkan model amalan proses kejurulatihan bola sepak.

Beberapa sumbangan model bagi proses kejurulatihan yang penting termasuklah Fairs (1987) ‘model objektif’ yang menghuraikan lima langkah bagi proses kejurulatihan yang mencerminkan pendekatan penyelesaian masalah ; ‘model mental’ dalam proses kejurulatihan berdasarkan eksplorasi bagi persepsi para jurulatih terhadap bidang kejurulatihan Côté, Salmela, Trudel, Baria dan Russel (1995) bagi model komprehensif pula lebih kepada kesempurnaan dalam proses kejurulatihan kerana didapati menunjukkan banyak interaksi Lyle (2002); Abraham, Collins dan Martindale (2006) ‘skematik kejurulatihan’ yang bertujuan untuk diguna pakai dalam semua situasi mahupun konteks.

Kelly Cross (2013) mencadangkan dalam proses kejurulatihan bola sepak perlunya menyediakan pelan bagi sesi latihan yang merangkumi beberapa komponen seperti *passing practices*, *positioning games*, *game training* dan *training game*. Menurut Barnson (2014) menerusi ‘model autentik’ dengan mengambil pandangan atau persepsi yang berbeza mengenai proses kejurulatihan dengan memodelkan ketegangan atau stres yang menentang dalam penghasilan proses tersebut yang dirujuk sebagai paradoks kejurulatihan. Rangka kerja yang lain pula dilihat lebih cenderung kepada konseptual bagi proses kejurulatihan yang berpusat terhadap konsep kepimpinan Chelladurai (2007);





motivasi Mageau dan Vallerand (2003); keberkesanan Côté dan Gilbert (2009); Feltz, Chase, Moritz dan Sullivan (1999); pemeraksanaan Kidman (2005), hubungan Jowett (2007) dan perancangan Jones dan Wallace (2005). Terdapat kepelbagaian bagi model kejurulatihan yang telah dihasilkan sebelum ini dengan harapan ianya mampu membantu para jurulatih dalam proses kejurulatihan mereka.

Kerja-kerja ini berbeza-beza bagaimana sesebuah model dan rangka kerja telah dihasilkan termasuk eksplorasi bagi persepsi jurulatih terhadap bidang kejurulatihan, sesi pemerhatian semasa jurulatih yang mengendalikan sesi latihan sebagai contoh, mendapatkan maklum balas persepsi menerusi para atlet terhadap jurulatih mereka serta sesi kejurulatihan yang telah dijalankan. Setiap konsep akan mendedahkan kesamaan dengan orang lain dan juga mempunyai ciri yang unik. Sebagai contoh, menurut pandangan Mageau dan Vallerand (2003) dan Kidman (2005) memfokuskan terhadap sokongan autonomi serta bersama-sama dengan Gilbert dan Trudel (2004) mengiktirafkan keutamaan para atlet dan juga keperluan mereka.

Barnson (2014); Lyle (2002); Côté, Salmela, Trudel, Baria dan Russel (1995) dan Fairs (1987) berpendapat bahawa perancangan perlu dikenalpasti, dasar campur tangan perlu untuk mempertingkatkan prestasi dan membuat penilaian terhadap keberkesanan sebelum terlibat dalam perancangan selanjutnya. Seperti mana kajian yang telah dijalankan sebelum ini oleh pengkaji terdahulu, menerusi penyelidikan ini di mana satu model corak amalan proses kejurulatihan bola sepak perlu dihasilkan.





Barnson (2014); Jowett (2007); Gilbert dan Trudel (2004); Lyle (2002) juga menegaskan bahawa kepentingan bagi hubungan para jurulatih dan para atlet perlu dilihat dan dititikberatkan. Walaupun sumbangan ini bertujuan untuk memahami proses kejurulatihan, dipercayai belum ada lagi suatu kerangka kerja yang telah mencapai persetujuan yang mewakili kerumitan dalam proses kejurulatihan (Cushion, 2007; Gilbert, 2007; Cushion, Armour & Jones, 2006; Jones, 2006; Jones & Wallace, 2005; Jones, Armour & Potrac, 2002). Justeru itu, timbulah persoalan sama ada jurulatih bola sepak sekolah di Kuala Lumpur memahami dan melaksanakan proses kejurulatihan mengikut teori, panduan dan juga proses kejurulatihan yang dicadangkan.

Para penyelidik pernah membahaskan bahawa penyelidikan perlu dijalankan untuk para jurulatih bagi menyokong pemahaman dan pembangunan serta sebarang konsep yang cuba dihasilkan termasuklah mana-mana representatif diagram haruslah realistik dan bermakna bagi seseorang jurulatih. Greenwood, Davids dan Renshaw (2012); Gilbert (2007); Cushion, Armour dan Jones (2003), menegaskan bahawa para jurulatih perlu menjadi nadi utama dalam proses penyelidikan.

Menerusi pengalaman para jurulatih dalam konteks mereka serta penglibatan mereka dalam proses penyelidikan bukan sahaja sebagai subjek dalam penyelidikan tersebut bahkan kita akan mendapat pemahaman yang lebih jelas bagi memahami sebarang kekangan dalam konteks tersebut (Greenwood et al., 2012; Gilbert, 2007; Cushion et al., 2003). Justeru itu, sama seperti kajian yang dijalankan oleh penyelidik juga yang menjadikan para jurulatih sebagai peserta kajian dalam mendapatkan pemahaman yang lebih untuk dikongsikan bersama.





Pendekatan seperti membuat laporan sendiri telah berjaya digunakan untuk mengkaji topik-topik seperti proses kejurulatihan Côté, Salmela, Trudel, Baria dan Russel (1995), peranan dan proses semasa kejohanan diadakan Ritchie dan Allen (2015), mikro politik Potrac dan Jones (2009), dan kerangka peranan serta falsafah (Nash, Sproule & Horton 2008). Maka menerusi penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk mendengar sendiri dari para jurulatih mengenai penglibatan mereka dalam proses kejurulatihan bola sepak melalui penglibatan yang aktif bagi menerokai dan menilai penemuan serta membangunkan serta menghasilkan sebuah model.

Oleh itu, tujuan penyelidikan ini adalah untuk menerokai dan mempelajari daripada para jurulatih sendiri dengan membiarkan mereka menerangkan proses kejurulatihan mereka lalu dan melibatkan mereka dalam membangunkan 'gambaran realistik' yang dapat menyokong kerja jurulatih, pembantu jurulatih, dan para penyelidik. Nilai peribadi jurulatih adalah penting dan membentuk keputusan yang dibuat sebagai sebahagian daripada proses tersebut.

Barnson (2014) dan Kidman (2005) mengenal pasti ini sebagai teras kepada kejurulatihan sambil menambah bahawa ianya adalah sangat spesifik kepada para jurulatih. Kemahiran dan pengetahuan jurulatih diiktiraf sebagai faktor utama dalam proses kejurulatihan (Ericsson & Charness, 1994). Para jurulatih percaya bahawa ianya mempengaruhi keputusan mereka dan dipercayai wujudnya cabang penyelesaian masalah dalam proses kejurulatihan (Abraham, Collins & Martindale, 2006).





1.2 Latar Belakang Kajian

Menjadi amalan kebiasaan di Malaysia bahawa para guru adalah golongan yang bertanggungjawab menjadi jurulatih di peringkat remaja khususnya di sekolah. Lazimnya, salah satu tugas seseorang jurulatih tidak mengira peringkat mana sekali pun adalah untuk mengajar, melatih para atlet dalam pelbagai bentuk kemahiran sebagai contoh (National Association for Sport and Physical Education [NASPE], 2006). Menurut Wrisberg (2007), para jurulatih boleh menggunakan pelbagai kaedah pengajaran demi untuk mendidik serta melatih para atlet dari aspek kemahiran teknikal, taktikal mahupun persediaan psikologi. National Association for Sport and Physical Education (NASPE, 2006); Shields dan Bredemeier (1995) turut menambah bahawa seseorang jurulatih sering dianggap sebagai pendidik dari segi moral atau pun sebagai pencetus yang bertanggungjawab untuk membentuk karektor bagi seseorang atlet.

Selain daripada mengajar aspek kemahiran, jurulatih juga perlu mahir dalam berinteraksi dengan atlet (NASPE, 2006; Abraham & Collins, 1998). Tidak kira jurulatih elit mahupun yang berstatus pakar, sebagai contoh jurulatih legenda bagi pasukan bola keranjang UCLA iaitu John Wooden dikatakan seorang yang berpengetahuan luas tentang kemahiran dan mengajar segala kemahiran kepada para atlet (Gallimore & Tharp, 2004; Tharp & Gallimore, 1976). Seseorang jurulatih yang bermentaliti juara dianggap seorang yang berpengetahuan luas dan efektif dalam berinteraksi bersama para atlet menyebabkan penyelidik sering mengkaji peratusan kemenangan yang diperolehi oleh jurulatih tersebut sebagai contoh Pete Carroll (Voight & Carroll, 2006), James 'Doc' Counsilman (Kimiecik & Gould, 1987), John Gagliardi (Gentner, Wrisberg & Whitney,





2008), Pat Head Summitt (Becker & Wrisberg, 2008; Wrisberg, 1990) dan John Wooden (Gallimore & Tharpe, 2004; Tharp & Gallimore, 1976).

Kajian berkaitan cabaran yang dihadapi oleh para jurulatih telah dilaksanakan dan didapati bahawa beberapa aspek cabaran seperti jadual perlawanan yang banyak pendidikan kejurulatihan, pengurusan pasukan, peluang terhad serta kesukaran berurusan dengan seseorang yang berkemampuan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan (Zulakbal Abd Karim & Ali Md Nadzalan, 2017). Sehubungan dengan itu, besarlah harapan sekiranya pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) peka dengan isu atau dilema yang menghantui para jurulatih bola sepak di Malaysia khususnya di peringkat sekolah Kuala Lumpur.



Konukman, Agbuğa, Erdoğan, Zorba, Demirhan dan Yılmaz, (2010) menyatakan bahawa bukannya mudah bagi seseorang guru untuk menggalas tugas sebagai jurulatih dalam satu masa yang sama serta terpaksa menghadapi pelbagai jenis tekanan. Seperti mana pandangan yang diberikan oleh Truman Williamson (2013) secara lazimnya guru Pendidikan Jasmani juga bertindak sebagai jurulatih. Seseorang guru perlu berupaya menjadikan sesi pembelajaran yang jelas dan mudah difahami serta mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka (Shahril Marzuki & Muhammad Faizal A. Ghani, 2007). Oleh itu, seseorang guru perlu mengenal pasti kaedah pengajaran yang sesuai supaya murid mudah faham dengan apa yang disampaikan oleh guru mereka (Syed Kamaruzaman Syed Ali, Julismah Jani, Shabeshan & Zawawi Ismail, 2008).





Sehubungan itu, proses kejurulatihan jurulatih bola sepak sekolah perlu dikaji kerana menurut Zulakbal Abdul Karim dan Najib Razak (2018) bahawa dipercayai terdapat pelbagai isu kejurulatihan seperti jurulatih tidak menerima pentauliahan yang betul, kekurangan pengetahuan teknikal yang baik, isu berkaitan lesen kejurulatihan dan kemahiran kejurulatihan di kalangan mereka sendiri. Tambahan pula, menurut Sinar Harian (2014) pada masa ini, nisbah guru lelaki dan wanita di sekolah tidak seimbang dan majoriti bilangan guru wanita melebihi guru lelaki dan jurangnya amat ketara, terutama di bandar-bandar iaitu 70 wanita berbanding 10 lelaki. Menurut Lacroix, Camiré dan Trudel (2008) menyatakan bahawa walaupun sesetengah guru mungkin berpengalaman dalam bidang sukan sama ada sebagai atlet ataupun jurulatih, segelintirnya mungkin bukan di peringkat kompetitif. Lacroix, Camiré dan Trudel (2008) turut menambah di mana disebabkan senario tersebut maka ada segelintir guru yang terpaksa melatih pelbagai jenis sukan lain berikutan kekurangan jurulatih.

Justeru itu, adalah tidak mustahil wujudnya guru bertindak sebagai jurulatih badan terjun, tidak dibekalkan dengan pendidikan kejurulatihan mahupun lesen kejurulatihan bola sepak yang sewajarnya mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) serta untuk melihat sejauh mana proses kejurulatihan bola sepak yang diguna pakai di sekolah Kuala Lumpur.

Seseorang jurulatih itu memainkan peranan penting dalam konteks proses kejurulatihan dan seterusnya beliau bertindak bukan untuk mengawal tetapi adalah untuk membantu para atlet dalam mempertingkatkan daya keupayaan dan kemahiran serta mencipta peluang terhadap atlet tersebut (Nielsen & Nørreklit, 2011). Proses kejurulatihan sangat penting kerana ianya berupaya mempengaruhi pencapaian pemain.





Menurut Martens (2002), jurulatih bola sepak bertanggungjawab secara langsung terhadap pasukan dan mempunyai objektif utama untuk meningkatkan prestasi individu mahupun pasukan. Menurut Crisfield, Cabral dan Carpenter (1996), menerusi bidang kejurulatihan yang diceburi ianya dapat mempertingkatkan prestasi seseorang atlet.

Para jurulatih memainkan peranan penting dalam sukan pelbagai peringkat, terutamanya dalam sumbangan terhadap pembangunan yang berterusan dan penyertaan yang menggalakkan serta dapat membantu menangani masalah global seperti ketidakaktifan fizikal. Malah, sebagai contoh organisasi seperti *U.K. Sport* telah membuat pelaburan yang besar terhadap profesion kejurulatihan bagi membangunkan para jurulatih di United Kingdom (UK). Dengan merujuk kepada konteks kejurulatihan di UK, North (2009) mendapati bahawa jumlah para jurulatih sambilan dan juga jurulatih sukarelawan terdiri daripada 97% daripada tenaga kerja (masing-masing 25% dan 72%).

Para jurulatih mempunyai peranan penting dalam hubungan di antara jurulatih dengan prestasi atlet (Lyle, 2002). Jurulatih berprestasi tinggi yang berjaya dipercayai mempunyai kompetensi untuk melatih kemahiran khusus sukan, motivasi terhadap atlet, membantu atlet memaksimumkan daya usaha dan pemulihan serta mempersiapkan atlet untuk pelbagai pertandingan (Côté, Young, North, & Duffy, 2007).

Apabila sesebuah organisasi sukan menjaga kebajikan para jurulatih secara tidak langsung memberikan impak yang positif untuk jurulatih tersebut supaya berkhidmat lebih lama dalam profesion mereka, termasuklah menambah pengalaman serta ilmu pengetahuan dalam perkembangan kerjaya mereka dengan jayanya Bentzen, Lemyre dan Kentta (2015a) dan memberikan mereka tonik yang diperlukan untuk menjadi jurulatih yang cemerlang (Bentzen, Lemyre & Kentta, 2015b).



Oleh itu proses pengajaran dan pembelajaran bolasepak di peringkat sekolah di negara ini boleh dikatakan bergantung sepenuhnya kepada jurulatih di kalangan para guru di sekolah yang terlibat. Oleh kerana majoriti guru-guru di sekolah adalah terdiri dari kalangan wanita terutama di bandar Sinar Harian (2014) maka tidak mustahil jika terdapat jurulatih bola sepak yang dilantik disekolah-sekolah adalah di kalangan guru lelaki yang di lantik secara "bidan terjun", kerana kekurangan jumlah guru lelaki yang boleh bermain atau berpengalaman dalam permainan bolasepak. Jika benar senario yang saya sebutkan tadi berlaku maka sudah tentu kebarangkalian untuk berlakunya kelemahan dari segi proses kejurulatihan bola sepak adalah tinggi.

Walau bagaimanapun untuk mengamalkan sikap bersangka baik "husnuzzon" maka satu penyelidikan yang melihat apakah amalan proses kejurulatihan para jurulatih tersebut hendaklah dijalankan segera dan dilaporkan kepada dunia akademik melalui penyelidikan dan penerbitan. Berkemungkinan juga terdapat amalan-amalan yang baik yang diinisiatifkan oleh para jurulatih tersebut disamping mungkin ada yang tidak berpengalaman bermain bolasepak tetapi mungkin mereka cekap di dalam mengelolakan pengajaran dan pembelajaran bola sepak. Jika terdapat senario tersebut maka ia wajar diselidiki dan dilaporkan untuk kebaikan semua yang terlibat atau berminat. Oleh itu penyelidikan ini dicadangkan dijalankan oleh saya.



1.3 Pernyataan Masalah

Usaha-usaha pembangunan bola sepak di Malaysia sedang giat dijalankan di semua peringkat bermula daripada peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun negara. Dalam pembangunan pemain bola sepak di peringkat sekolah bermula dari umur 13 tahun hingga 17 tahun, jurulatih dari kalangan guru menjadi nadi utama dalam merancang, melaksana dan menilai bagi meningkatkan pencapaian prestasi mereka. Dalam arena sukan, jurulatih memainkan peranan yang amat penting. Tanggungjawab jurulatih adalah membantu para pemain bola sepak remaja bagi mencapai persembahan terbaik serta memperoleh kejayaan dalam mana-mana pertandingan dan kejohanan bola sepak remaja.

Oleh itu, Ahsan Ahmad (1999) menegaskan bahawa tugas jurulatih meliputi tugas mengajar kemahiran asas, perancangan dan pelaksanaan program latihan jangka masa panjang, persiapan sebelum pertandingan, memberi khidmat nasihat dari sudut teknikal dan taktikal. Justeru itu, jurulatih perlu mempunyai daya kemampuan untuk melaksana, menilai serta mengubahsuai program latihan demi pembangunan para pemain bola sepak remaja yang efektif.

Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (2014) menyatakan bahawa beberapa masalah telah dibangkitkan sebelum ini, antaranya isu jurulatih tidak bertauliah dan kurang pengetahuan teknikal atau strategi yang baik serta dipercayai terdapat juga jurulatih yang bertauliah tetapi tidak berkemahiran untuk mengendalikan latihan di peringkat akar umbi. Mungkin wujudnya segelintir jurulatih tidak memandang serius bagi proses kejurulatihan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana kemahiran yang dimiliki oleh para jurulatih dalam mengendalikan corak amalan proses kejurulatihan bola sepak sekolah di Kuala Lumpur. Menurut Zulakbal Abdul Karim





dan Ali Md Nadzalan (2017a); Zulakbal Abdul Karim dan Ali Md Nadzalan (2017b) menegaskan bahawa terdapat beberapa cabaran utama yang terpaksa diharungi oleh jurulatih bola sepak di negara ini antaranya seperti kurikulum pendidikan bagi jurulatih, hala tuju karier para jurulatih yang tidak menentu, peluang peningkatan kerjaya yang terhad serta jaminan kerjaya sebagai jurulatih.

Senario inilah yang boleh mengakibatkan kerugian bagi program pembangunan bola sepak peringkat remaja khususnya di sekolah kerana tanpa amalan proses kejurulatihan bola sepak serta beberapa faktor yang perlu dititikberatkan yang sewajarnya akan menyukarkan proses penerapan fasafah dan DNA permainan bola sepak secara holistik di setiap peringkat bagi memastikan visi dan misi dicapai dengan jayanya.

Zulakbal Abdul Karim dan Ali Md Nadzalan (2017) turut menambah apa jua cabaran yang dihadapi oleh para jurulatih perlu dikenal pasti termasuklah sumber pengetahuan mereka yang dapat meningkatkan tahap kemahiran kejurulatihan mereka demi merealisasikan matlamat program bola sepak remaja khususnya di peringkat sekolah serta melahirkan pemain bola sepak remaja yang mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung dapat mengoptimumkan perbelanjaan wang dan penggunaan masa dalam membentuk pasukan bola sepak negara yang terbilang.

Menurut Truman Williamson (2013); Wilson, Bloom dan Harvey (2010) bahawa guru Pendidikan Jasmani biasanya bertindak selaku jurulatih dan bertanggungjawab bagi sebarang aktiviti sukan di sekolah. Jurulatih ini kebiasaanya dilantik dari kalangan para guru, ini kerana menurut Laporan Program Pembangunan Bola Sepak Negara, terbitan Kementerian Belia dan Sukan (2013), sekolah adalah tempat terawal bermulanya sukan bola sepak dimainkan serta dilatih. Menurut Chughati dan Perveen (2013) peranan bagi



seseorang guru amat penting kerana kecemerlangan guru dilihat sebagai kayu pengukur yang menentukan kualiti sistem pendidikan.

Pemindahan hasil penyelidikan kepada kajian berasaskan lapangan masih lagi kurang di mana kebanyakan kajian yang dijalankan gagal mengenal pasti permasalahan yang berkaitan dengan para penyelidik atau pengamal (Bishop, 2007). Sebagai contoh, Wright, Atkins dan Jones (2012) menyatakan di mana hanya 2% para jurulatih yang memilih Indeks Prestasi Utama berasaskan literatur akademik. Akibatnya, ianya dapat mendedahkan di mana ketidaksamaan fokus di antara para penyelidik dan para jurulatih (Wright, Carling & Collins, 2014; Carling, Wright, Nelson & Bradley, 2013).

Oleh sebab itu, perlunya keperluan bagi memperbaiki atau menambah baik pemahaman para jurulatih berkaitan permainan bagi menyempurnakan data dengan lebih mengikuti naluri seseorang jurulatih. Walau bagaimanapun, para jurulatih menyatakan di mana aplikasi analisis perlawanan amat penting demi mempertingkatkan lagi prestasi pasukan secara menyeluruh serta dapat menganalisis pasukan lawan menerusi fokus yang utama iaitu analisis video (Wright, Atkins & Jones, 2012). Adakah jurulatih ini mengikuti dan juga mengamalkan proses kejurulatihan seperti mana yang telah digariskan oleh *Asian Football Confederation (AFC)* atau *Fédération Internationale de Football Association (FIFA)*.

Berikut merupakan komponen dalam kitaran proses kejurulatihan jurulatih bola sepak AFC seperti *Organization, Short Explanation, Start with simple demonstration, Observation, Identify problem/mistake, Stop the session, Correction, Demo, rehearseal and repetition, restart session, de-briefing*. Rajah 1.1 menunjukkan kitaran proses kejurulatihan jurulatih bola sepak.



Rajah 1.1. Menunjukkan struktur Kitaran Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak yang disediakan oleh *Asian Football Confederation*.

Namun begitu bagi Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak yang telah disediakan oleh *Fédération Internationale de Football Association (FIFA)* pula merangkumi komponen seperti *explaining, executing, demonstrating, correcting, running the session, presenting, organizing* dan *assessing*. Rajah 1.2 menunjukkan kitaran proses kejurulatihan jurulatih bola sepak oleh FIFA.

4 Coach – Coaching

Figure 4: The eight fundamental actions involved in running a training session



Rajah 1.2. Menunjukkan struktur Kitaran Proses Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak yang disediakan oleh *Fédération Internationale de Football Association (FIFA)*.



Kejohanan bola sepak utama peringkat sekolah di Malaysia adalah peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia atau juga dikenali sebagai MSSM. Kejohanan MSSM ini adalah platform bagi semua jenis sukan dan mempunyai 3 kategori umur iaitu Bawah 12 Tahun, Bawah 15 Tahun dan juga Bawah 18 Tahun. Jadual 1.1 merupakan jadual bagi pencapaian pasukan bola sepak Kuala Lumpur di peringkat MSSM bermula pada tahun 2014 sehingga lah pada 2019.

Secara keseluruhan pencapaian pasukan Kuala Lumpur peringkat MSSM bagi tiga kategori Bawah 12 Tahun, Bawah 15 Tahun dan Bawah 18 Tahun bermula dari Tahun 2014 hingga Tahun 2019 tidak begitu konsisten. Justeru itu, perlunya menerokai proses kejurulatihan bola sepak bagi melihat apakah corak amalan proses kejurulatihan yang diamalkan selama ini.



Jadual 1.1

Menunjukkan pencapaian pasukan bola sepak Kuala Lumpur di Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Kategori / Tahun	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Bawah 12	Naib Johan	Peringkat Kumpulan	Peringkat Kumpulan	Peringkat Kumpulan	Peringkat Kumpulan	Suku Akhir
Bawah 15	Peringkat Kumpulan	Peringkat Kumpulan	Suku Akhir	Peringkat Kumpulan	Naib Johan	Suku Akhir
Bawah 18	Peringkat Kumpulan	Johan	Suku Akhir	Separuh Akhir	Peringkat Kumpulan	Naib Johan

Sumber : Unit Sukan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





Sehubungan dengan itu, kajian kualitatif ini dicadangkan dan dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti apakah corak amalan proses kejurulatihan bagi jurulatih bola sepak di peringkat sekolah yang berumur 13 hingga 17 Tahun di Kuala Lumpur supaya ianya perlu diketahui dan dikaji supaya boleh dijadikan “*blue print*” dan seterusnya dapat diterapkan kepada semua jurulatih bola sepak remaja kerana ianya mampu memberikan implikasi dalam bidang kejurulatihan yang melibatkan para pemain bola sepak remaja serta pasukan yang dilatih.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum dalam penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti corak amalan proses kejurulatihan bagi jurulatih bola sepak sekolah yang berumur dari 13 hingga 17 Tahun di Kuala Lumpur sama ada ia mencapai piawaian atau tidak dapat diaplikasikan oleh mana-mana jurulatih bola sepak remaja. Manakala objektif spesifik kajian dalam kajian ini adalah:

- a) Melihat sejauh mana implikasi amalan proses kejurulatihan bola sepak antara jurulatih dengan prestasi para pemain bola sepak remaja di Kuala Lumpur.
- b) Menerokai proses kejurulatihan jurulatih bola sepak sekolah di Kuala Lumpur amalkan sedia ada selaras dengan panduan yang dicadangkan oleh FIFA / AFC.
- c) Membina model amalan proses kejurulatihan yang digunapakai jurulatih bola sepak remaja sekolah di Kuala Lumpur menggunakan pendekatan *Grounded Theory*, Strauss & Corbin (2015; 1998)



1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian berikut :

- a) Apakah corak amalan proses kejurulatihan bola sepak oleh para jurulatih sekolah di Kuala Lumpur, memberi implikasi terhadap prestasi para pemain bola sepak sekolah.
- b) Apakah corak amalan proses kejurulatihan ini selaras dengan apa yang dicadangkan oleh FIFA / AFC mengikut silibus dalam kursus kejurulatihan
- c) Apakah model terbaik yang mungkin "*emerged*" dari data yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini.

1.6 Kepentingan Kajian 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan ini memberi kepentingan kepada beberapa pihak seperti berikut:

- a) Kepada Golongan Jurulatih Remaja

Kajian ini penting bagi golongan jurulatih bolasepak peringkat akar umbi yakni remaja kerana ianya dapat membantu mereka mengenal pasti apakah amalan proses kejurulatihan yang di gunakan oleh para jurulatih sekolah di Kuala Lumpur.

- b) Kepada Penyelidik yang berminat

Sebagai panduan dan input kepada penyelidik yang berminat mengkaji tentang proses kejurulatihan, sebagai sorotan literatur mereka terhadap penyelidikan mereka yang akan datang.

c) Kepada Persatuan Bola Sepak Daerah dan Negeri

Model proses kejurulatihan jurulatih bola sepak boleh digunakan di peringkat akar umbi atau juga dikenali sebagai “*grassroot level*”.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini hanya tertumpu kepada sekolah di dalam Kuala Lumpur sahaja yang melibatkan para guru yang dilantik menjadi jurulatih bola sepak bagi membimbing pasukan sekolah yang berumur dari 13 hingga 17 tahun.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Sekolah

Sekolah ialah satu organisasi sosial yang meliputi satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama pengetua dan guru besar dilihat sebagai tonggak utama untuk memimpin dan menerajui pengurusan dan hala tuju sekolah. Pasukan bola sepak sekolah akan menyertai di peringkat Zon, Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSSWP), Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan sebagainya.



1.8.2 Jurulatih

Jurulatih yang terlibat di sekolah-sekolah kebanyakannya adalah dari kalangan guru. Didapati ada jurulatih yang terlibat mempunyai lesen seperti mengikut piawaian yang sepatutnya. Mallet (2007) berpendapat seseorang jurulatih mampu mempengaruhi seseorang atlet baik secara individu atau pun berpasukan yang dilengkapi dengan kemahiran serta mempunyai pengetahuan disamping dapat meningkatkan prestasi dalam sukan.

Kejurulatihan adalah terma yang selalu digunakan sebagai cara kerja dan peranan yang dimainkan bagi meningkatkan prestasi pasukan Bangsbo dan Pieterse (2000) manakala menurut Bloom, Falcão dan Caron (2014), jurulatih merupakan individu yang mempunyai peranan yang berbeza termasuklah sebagai guru, mentor, *role-model*, rakan dan pemimpin dalam sesebuah komuniti. Jurulatih sukan mempunyai peranan yang penting dalam menyumbang kepada persembahan individu dan pasukan (Holt, 2016).

1.8.3 Guru

Menurut Saedah Siraj dan Sani Ibrahim (2012), guru ialah tunjang kepada sistem pendidikan. Selain itu, guru ialah pendidik, pemimpin yang ditugaskan memberi ilmu (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Menurut Lawson dan Placek (1996), pendidikan jasmani yang diajar disekolah perlu merangkumi 8 aspek iaitu, perkembangan motor, anatomi kinesiological, biomekaniks, fisiologi latihan, kesihatan, pedagogi sukan, psikologi sukan serta perkembangan dan kawalan motor.



Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, kesemua aspek-aspek tersebut ada diterapkan dalam tunjang pembelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan di Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Camiré, Trudel dan Forneris (2012) guru sebagai jurulatih merupakan insan yang paling penting dalam mempengaruhi pembangunan pelajar yang juga merangkap sebagai atlet. Camiré (2015) guru secara tidak langsung menjadi sukarelawan sebagai jurulatih di peringkat sekolah. Seperti mana Program Pembangunan Bola Sepak Negara (2014) sudah menjadi kelaziman di mana guru di sekolah menjadi jurulatih bola sepak di peringkat akar umbi.

1.8.4 Kursus Lesen Kejurulatihan

Untuk menjadi jurulatih bola sepak, perlulah menghadiri Kursus Awalan Bola sepak iaitu Kursus Lesen D atau Kursus Awalan dengan terlebih dahulu sehingga ke peringkat yang tertinggi iaitu Kursus Lesen A. Kursus ini dikelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan juga Persatuan Bola Sepak Negeri. Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) juga menawarkan kursus kejurulatihan bola sepak bermula dari peringkat asas sehingga *pro licence* (Persatuan Bola Sepak Malaysia [FAM], 2016; Asian Football Confederation [AFC], 2010).

Seperti mana yang telah dijelaskan oleh Gladwell, (2008) di mana seseorang individu memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 jam bagi sesi latihan untuk memahirkan bidang tersebut. Dalam mempertingkatkan kemahiran kejurulatihan, seseorang jurulatih itu perlu untuk memperkasakan pendidikan kejurulatihan Mesquita, Isidro & Rosado (2010). Selaras dengan pernyataan Wright, Trudel dan Culver (2007); Campbell (1993) seseorang individu itu memerlukan kelayakan atau juga dikenali sebagai pensijilan kejurulatihan untuk dinobatkan sebagai seorang jurulatih.

1.8.5 Proses Kejurulatihan Bola Sepak

Proses kejurulatihan bola sepak merupakan salah satu aspek penting dalam bidang kejurulatihan. Ianya juga merupakan salah satu kompetensi bagi seseorang jurulatih.

Franks, Goodman dan Miller (1983) proses kejurulatihan merangkumi beberapa aspek seperti kitaran fasa pemerhatian, analisis dan perancangan. Seseorang jurulatih memainkan peranan yang penting menerusi proses kejurulatihan yang merupakan kitaran berterusan merangkumi aspek seperti sesi latihan, perlawanan persahabatan dan kejohanan (Maslovat & Franks, 2008). Maslovat dan Franks juga menambah seseorang jurulatih perlu mempunyai kemahiran dalam melaksanakan pemerhatian dan analisis prestasi atlet demi memperkasakan lagi prestasi dari semasa ke semasa.

Proses kejurulatihan bola sepak amat penting kerana ianya merupakan salah satu kompetensi seseorang jurulatih kerana jurulatih bertanggungjawab dalam memperkasakan prestasi atlet secara individu mahu pun berpasukan (Martens, 2002). Seseorang jurulatih bukan sahaja melahirkan atlet yang berkualiti bahkan perlu mendidik mereka dari aspek ilmu pengetahuan dalam bidang yang berkaitan (Mallet & Dickens, 2009).

1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan betapa pentingnya corak amalan proses kejurulatihan bagi jurulatih bola sepak peringkat sekolah di Kuala Lumpur untuk diketahui umum. Oleh itu kajian ini amat penting untuk dilaksanakan memandangkan jarang sekali kajian kualitatif berkaitan kejurulatihan dijalankan di Malaysia seterusnya sebagai panduan kepada pengkaji lain yang menjalankan kajian berkaitan.